

KENYATAAN AKHBAR

Untuk siaran segera

40 WARTAWAN CEMERLANG RAIH ANUGERAH MEDIA PEMBINAAN 2024

Sebanyak 191 penyertaan diterima pada tahun ini bagi semua kategori anugerah semenjak tarikh penyertaan dibuka pada September lalu

KUALA LUMPUR, 26 NOVEMBER 2024: Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) hari ini meraikan kecemerlangan 40 wartawan dan jurugambar di Anugerah Media Pembinaan CIDB 2024 (AMP 2024). Anugerah Media Pembinaan (AMP) tahun ini merupakan kali ke-tujuh dianjurkan oleh CIDB Malaysia dengan Kementerian Kerja Raya (KKR). Anugerah ini memberi penghargaan kepada media yang telah memainkan peranan penting dalam meningkatkan kesedaran mengenai inisiatif-inisiatif Kerajaan Malaysia dalam industri pembinaan. Penyampaian anugerah pada hari ini, disampaikan oleh Timbalan Menteri Kerja Raya, YB Datuk Seri Ahmad Maslan, bersempena Malam Penghargaan Media Kementerian Kerja Raya.

Objektif AMP adalah menggalakkan kandungan kewartawanan dan media massa mengenai industri pembinaan. Ini termasuk kandungan yang mengupas isu semasa berkaitan industri pembinaan seperti keselamatan, kelestarian alam sekitar, penggunaan teknologi serta topik-topik lain yang berkaitan.

Sinar Harian menerusi wartawannya Nor Syamira Liana Binti Nor Ashana telah memenangi tempat pertama dalam kategori Media Cetak & Portal Berita Laporan Khas Berita, dengan penulisan bertajuk '*Tangki air bangka*' dan pemenang pertama untuk

Media Cetak & Portal Berita Rencana dimenangi oleh Chua Wen Hui dari The Star dengan rencana bertajuk “*Promising reality in construction jobs*”.

Tempat pertama dalam kategori Media Penyiaran Televisyen & Video Dalam Talian dimenangi oleh wartawan RTM, Rozihan Binti Mohd Raji menerusi liputannya, ‘*Dokumentari Dia: Dato’ Baharuddin Abu Kassim*’. Manakala, tempat pertama dalam kategori Fotografi dimenangi oleh Lek Kah Meng, jurufoto Sin Chew Daily, dengan gambarnya yang bertajuk ‘*Welders Accompanied by Sparks 2*’.

Tempat pertama bagi kategori anugerah Infografik dimenangi oleh Mohd Izudin Bin Ismail, Tung Eng Hwa, Foo Chern Hwan, Abdul Razak Bin Ahmad Idris dan Muhammad Shyafiq Bin Dzulkifli dari The Star dengan tajuk ‘*Silicon Island*’. Hadiah merit kepada semua kategori anugerah kecuali bagi Anugerah Fotografi dan Infografik, pemenang membawa balik wang saguhati bernilai RM1,000 berserta sijil.

Buat pertama kalinya Anugerah Penyiaran Radio diperkenalkan dalam AMP. Hadiah Merit bagi kategori ini diperolehi oleh Radio IKIM, Perak FM dan RTM Perak.

Kesemua pemenang masing-masing membawa pulang wang tunai beserta sijil dan trofi.

Senarai pemenang adalah seperti yang berikut:

A. Kategori Media Cetak & Portal Berita (Berita):

Tempat	Nama	Organisasi	Tajuk
Pertama (RM5,000)	Nor Syamira Liana Binti Nor Ashana	Sinar Harian	Tangki air bangkai
Kedua (RM3,000)	Iwan Shu-Aswad Bin Shuaib & Nazwin Izan Binti Ahmad Nazri	mStar	Lambakan pekerja binaan asing di Malaysia: CLAB sedia urus sepenuhnya...

Tempat	Nama	Organisasi	Tajuk
Ketiga (RM2,000)	Farah Shazwani Ali & Roskhoirah Yahya	Sinar Harian	Pegawai Keselamatan Pelindung Nyawa: Tugas Penting Elak Petaka Buruk
	Siow Jing En, Chai Hui Choon, Wong Kian Yong	Sin Chew Daily	RTS Boosts Johor's Growth: "Enhancing Strengths and Reducing Weaknesses" to Attract Investment
Merit (RM1,000)	Aliza Shah Muhammad Shah	New Straits Times	Home dreams crushed, Local councils can foil rogue contractors
Merit (RM1,000)	Farhana Abd Kadir, Mukhriz Mat Husin, Diana Azis, Siti Noor Faezah Muda, Siti Aisyah Mohamad	Sinar Harian	Rumah Tak Siap Kontraktor Lesap

B. Kategori Media Cetak & Portal Berita (Rencana):

Tempat	Nama	Organisasi	Tajuk
Pertama (RM5,000)	Chua Wen Hui	The Star	Promising reality in construction jobs
Kedua (RM3,000)	Yvonne Tuah Merawin	The Borneo Post	Building up Sarawak brick by brick
Ketiga (RM2,000)	Erda Khursyiah Binti Basir	BERNAMA	Meningkatkan Keseimbangan Hidup dan Kerja Industri Pembinaan
Merit (RM1,000)	Shaza Binti Mhd Husam Eddin Al Muzayen & Abdul Rahman Fahmi Bin Abdul Aziz	BERNAMA	Demystifying the Issues Behind Malaysia's Overhang & Unsold Residential Properties

C. Kategori Media Penyiaran Televisyen & Video Dalam Talian (Laporan Khas & Dokumentari):

Tempat	Nama	Organisasi	Tajuk
Pertama (RM5,000)	Rozihan Binti Mohd Raji	RTM	Dokumentari Dia: Dato' Baharuddin Abu Kassim
Kedua (RM3,000)	Ridauddin Daud	Astro Awani	Pulau haba, kemelut iklim yang kian mencengkam Kuala Lumpur
Ketiga (RM2,000)	Zerry Francis, Mohd Zaiadi Md Nor, Mohamad Amirul Akmal Norazali, Muhamad Zaime Zakaria	TV3	Kebanggaan Negara Merdeka 118

D. Kategori Penyiaran Radio:

Tempat	Nama	Organisasi	Tajuk
Merit (RM1,000)	Mahathir Bin Shahrudin	Radio IKIM	Ke Mana Hilangnya Jurutera?
Merit (RM1,000)	Nor Ain Binti Abu Bakar	Perak FM	CIDB Giat Laksana Operasi, Elak Kemalangan Di Tapak Binaan
Merit (RM1,000)	Norahidah Binti Abdul Rahim	RTM Perak	Stiletto Nita Topik Kontraktor Di kalangan Wanita

E. Kategori Fotografi:

Tempat	Nama	Organisasi	Tajuk
Pertama (RM5,000)	Lek Kah Meng	Sin Chew Daily	Welders Accompanied by Sparks 2
Kedua (RM3,000)	Mohd Faihan Bin Mohd Ghani	The Star	Shimmering Beauty
Ketiga (RM2,000)	Chen Soon Ling	The Star	Skycraper capers

F. Kategori Infografik:

Tempat	Nama	Organisasi	Tajuk
Pertama (RM5,000)	Mohd Izudin Bin Ismail, Tung Eng Hwa, Foo Chern Hwan, Abdul Razak Bin Ahmad Idris, Muhammad Shyafiq Bin Dzulkifli	The Star	Silicon Island
Kedua (RM3,000)	Nor Salim Bin Mohamed Dawam & Muhamaad Razis Ismail	Harian Metro	Masjid Ihsaniah Iskandariah, Kampung Kuala Dal, Perak MASJID UNIK NAZAR SULTAN
Ketiga (RM2,000)	Mohd Alhafiz Bin Ithnin & Mohd Fahmy Mohd Hashim	Harian Metro	Menara Kerja Raya

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.cidb.gov.my atau hubungi CIDB Careline di talian 03-5567 3300.

Mengenai CIDB Malaysia

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) ditubuhkan menerusi Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan 1994 (Akta 520) bagi membina kapasiti dan kapabiliti industri pembinaan melalui peningkatan kualiti dan produktiviti dengan memberi penekanan kepada professionalisme, inovasi dan pengetahuan ke arah kehidupan yang berkualiti.
